

02 APR 1997

Mahathir-Mas (bergambar)

KERAJAAN TIDAK SANGGUP LIHAT MAS GAGAL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak mampu melihat Penerbangan Malaysia (MAS), yang menjadi lambang negara di seluruh dunia, gagal atau menjadi kurang berjaya daripada saingan-saingannya.

"Peluang dan potensi MAS untuk berkembang dan menjadi satu daripada syarikat penerbangan terbesar di dunia memang cerah," katanya pada majlis makan malam sempena ulangtahun ke-50 MAS di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

"Tetapi peluang akan tinggal peluang jika kita tidak tahu atau tidak mahu menggunakannya. Bagaimanapun saya yakin kecekapan ada pada semua anggota MAS dan hanya yang diperlukan ialah dedikasi serta bangga dengan pertubuhan sendiri dan keinginan untuk menjayakannya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kejayaan pertubuhan sendiri tidak dapat tidak akan memberi keuntungan secara langsung akhirnya kepada diri kita, tetapi sebaliknya jika pertubuhan itu gagal kerana apa jua sebab, maka secara langsung juga kita tetap akan rugi.

Tetapi, katanya, sekiranya ini berlaku bukan sahaja MAS akan rugi, malah negara juga akan rugi dan malu.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat Malaysia mendapat keuntungan yang baik dan keuntungan itu harus dinikmati oleh syarikat dan kakitangan secara adil tanpa menjejaskan kos sara hidup dan meningkatkan inflasi.

Katanya, keuntungan yang lebih selain daripada diagih antara pekerja dan pemegang saham syarikat hendaklah digunakan untuk melabur terutama untuk pembesaran perniagaan bagi membolehkan perusahaan-perusahaan Malaysia membesar sehingga dapat menyaingi syarikat-syarikat antarabangsa di dunia.

"Tetapi janganlah kita lupa bahawa kejayaan kita bergantung kepada kawalan kos serta inflasi, dan jika kita menaikkan kos dan inflasi kita melalui apa juga cara, maka bukan sahaja daya beli kita akan turun, tetapi kita akan ucap selamat tinggal kepada kemewahan kita," katanya.

Menurut Dr Mahathir, keuntungan MAS tidaklah seberapa berbanding dengan pelaburan besar yang telah dibuat dan nilai harta yang rendah oleh kerajaan semasa penswastan untuk menolong MAS.

Beliau berkata jika kerajaan menjual MAS dengan kos aset yang sebenar, MAS tidak mungkin untung bahkan rugi sepanjang masa kerana keuntungan MAS adalah rendah berbanding dengan keuntungan syarikat-syarikat penerbangan yang bersaing dengannya.

"Perkara ini harus diambilkira oleh semua pihak kerana jika kita tidak mempedulikan kos, kita akan mengalami kerugian dan prestasi MAS akan merosot, iaitu rancangan MAS untuk membesar mungkin menjadi angan-angan Mat Jenin sahaja," kata Perdana Menteri.

Katanya, setakat ini MAS masih dapat diselenggara dengan jayanya kerana dalam industri penerbangan tidak ada banyak kelebihan bersaing di samping pesawat yang digunakan oleh semua syarikat adalah sama sahaja.

"Demikian juga lapangan terbang, hanya yang berlainan ialah khidmat yang diberi dan kos khidmat. Justeru itu jadual dan layanan terhadap pelanggan adalah penting dan kita percaya kakitangan MAS di semua peringkat sedar akan perkara ini," katanya.

Menurut Dr Mahathir, seperti juga dengan kerja-kerja lain, kepuasan hati tidak boleh ditentukan oleh pendapatan semata-mata kerana kepuasan hati datang daripada kepuasan tugas bahawa khidmat yang diberi adalah sesuatu yang boleh dibanggakan.

"Hanya pekerja asing atau 'orang upahan' sahaja yang mengutamakan pendapatan, namun orang upahan pun ingin mencapai 'kebanggaan dalam kualiti kerjanya"', dan saya percaya semua pekerja termasuk pengarah, pengurus, kakitangan profesional di semua peringkat dan yang bukan profesional serta mereka yang menjadi pembekal khidmat dan barangan kepada MAS akan menjayakan syarikat penerbangan negara itu."

Dr Mahathir berkata MAS berkembang dan lebih aktif sejak dipindah milik kepada swasta yang diketuai Tan Sri Tajuddin Ramli, dan tujuan kerajaan berbuat demikian kerana kepercayaan kerajaan bahawa pengurusan oleh pelabur sendiri adalah lebih baik daripada pengurusan oleh orang yang tidak mempunyai risiko peribadi dalam prestasi syarikat.

"Tidaklah dapat dinafikan bahawa sejak saham MAS yang terbesar dipindah kepada Tan Sri Tajuddin, pertumbuhan MAS telah melonjak dengan pesatnya, dengan juga perancangan masa depan MAS lebih bercita-cita tinggi," katanya.

"Sudah tentu ini memerlukan banyak perubahan daripada segi tanggungjawab, bidang tugas dan cara bekerja kerana tidak akan berkesan peralihan dan pemulihan jika tugas dan kebiasaan lama dipertahan dan dikekalkan," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau percaya semua kakitangan MAS termasuk pengarah, pengurusan dan pegawai-pegawai tinggi dan rendah sedar akan keperluan menerima perubahan-perubahan dan kesan-kesan diri sendiri berikutan perubahan itu bagi membolehkan MAS maju dengan lebih pesat dan menjadi kebanggaan negara.

Sempena majlis itu, Dr Mahathir juga melancarkan Yayasan MAS, yayasan untuk kebajikan dan pendidikan, yang ditubuhkan pada 27 Nov tahun lepas untuk membiayai penyelidikan bagi teknologi baru serta menggalak kesedaran dan penghargaan bagi Seni Halus.

Yayasan itu juga untuk membantu golongan masyarakat yang kurang berada dan untuk menyediakan bantuan bagi aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pendidikan dalam mengejar kecemerlangan.

Ia akan diurus oleh lembaga amanah yang dilantik dan setakat ini dua pemegang amanah telah dilantik - Tajuddin Ramli dan Haji Wan Awang Wan Yaacob, bekas Ketua Pengarah Kementerian Pengangkutan.

Sebagai pengasasnya, MAS menyumbang RM20 juta kepada yayasan dan berharap untuk meningkatkan jumlah itu menerusi berbagai-bagai aktiviti.

Setakat ini jumlah yang dikutip menerusi Penderma Pelancaran (General Electric Engine Services, Boeing Commercial Airplane Group, Rolls-Royce Commercial Aero Engines Ltd, dan Pratt & Whitney) ialah RM1.6 juta.

-- BERNAMA

ZAB AHH